

**KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN MAKLUMAT  
DAN TINGKAH LAKU PENCARIAN MAKLUMAT  
ELEKTRONIK DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN  
UDA, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.**

**MOHD NIZAM BIN MOKTAR  
IS 223  
99101673**

Penyelidikan Akademik yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Maklumat (Kepujian)  
(Pengurusan Pusat Sumber Maklumat)

***FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
MAC 2002***

## **SEKALUNG BUDI**



ALHAMDULILLAH, bersyukur saya ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah rahmat serta izinNYA dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada En. Husain Hashim selaku pensyarah penasihat di atas segala perhatian, panduan dan tunjuk ajar yang telah beliau curahkan.

Jutaan terima kasih saya juga diucapkan kepada Pengarah Perpustakaan Raja Tun Uda, Datin Paduka Shahaneem Hanoum, kakitangan pentadbiran iaitu Puan Norakma bt. Alaudin yang telah membantu saya untuk menjayakan penyelidikan ini. Kepada para pengguna Perpustakaan Raja Tun Uda yang telah memberi kerjasama dalam menjawab borang soal selidik, kerjasama anda semua amat dihargai.

Khas untuk ayah Moktar Bin Hj. Ismail, emak Ramalah Bt Hj. Murad, kakak Norhayati, abang Bukhari dan adik Mohd Najmi yang tidak pernah jemu memberi dorongan dan galakan sepanjang tempoh pengajian. Jasa dan budi kalian tidak akan dilupakan.

Tidak lupa ucapan jutaan terima kasih buat pegawai keselamatan PPAS iaitu Puan Zainab bt. Adam dan Puan Mariam bt. Yaacob yang telah memberi kerjasama yang amat baik dalam usaha saya menyiapkan penyelidikan ini. Buat sahabat-sahabat seperjuangan, budi baik kalian akan dikenang selamanya.

Wassalamu 'alaikum...

محمد نظام ...

Sekalung budi	i
Isi Kandungan	ii
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vii
Senarai Lampiran	ix
Abstrak	x

**BAB 1: PENGENALAN**

1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Objektif Penyelidikan	4
1.3 Skop Penyelidikan	5
1.4 Kepentingan Penyelidikan	5
1.5 Persoalan-persoalan Penyelidikan	6
1.6 Definisi Istilah	7

**BAB 2: TINJAUAN PENYELIDIKAN**

2.0 Ulasan Penulisan	10
----------------------	----

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap keperluan dan tingkah laku maklumat elektronik di kalangan pengguna Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti keperluan dan tingkah laku maklumat elektronik, tahap kepuasan pengguna berkenaan pencarian maklumat elektronik, sumber-sumber maklumat elektronik yang digunakan oleh pengguna Perpustakaan Raja Tun Uda, meyelidik kemahiran maklumat serta mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna apabila melakukan pencarian maklumat secara elektronik. Daripada 50 set borang soal selidik yang diedarkan, 49 daripadanya telah dikembalikan. Penemuan utama dalam penyelidikan ini adalah keperluan pengguna yang tinggi terhadap maklumat berbentuk elektronik seperti dalam format CD-ROM, OPAC, pangkalan data atas talian, e-mel, enjin pencarian, dan sebagainya. Kebanyakan pengguna mempunyai tingkah laku pencarian yang terancang dengan membuat persediaan dan perancangan bagi memastikan pencarian maklumat secara elektronik menghasilkan keputusan yang tepat. Enjin pencarian merupakan sumber maklumat elektronik utama pengguna.



# KAJIAN TERHADAP KEPERLUAN MAKLUMAT DAN TINGKAH LAKU PENCARIAN MAKLUMAT ELEKTRONIK DI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, SHAH ALAM.

## 1.0 PENGENALAN.

Selain boleh didapati secara bercetak atau salinan keras, bahan maklumat juga terdapat dalam bentuk atau format elektronik/salinan lembut seperti daripada CD ROM ataupun yang diakses dan dimuat turun dari Internet. Bahan maklumat dalam format ini biasanya mempunyai pelbagai ciri menarik seperti mempunyai grafik, animasi atau bunyi selain boleh didapati dalam format teks penuh. Bermula dengan penggunaan teknologi cakera padat (CD-ROM), kemudiannya kemudahan jalinan rangkaian setempat dan sekarang pencarian maklumat atas talian boleh dilakukan di rangkaian laman Web ataupun Internet yang telah mewujudkan suatu budaya yang biasa di perpustakaan. Bersama-sama dengan perubahan teknologi, pencarian maklumat menjadi semakin mudah dan cepat.

Fenomena pencarian maklumat merupakan suatu yang penting kepada pustakawan untuk mengenalpasti dan merumus beberapa dasar untuk memenuhi keperluan maklumat pencari maklumat (information seeker).<sup>1</sup> Bersama-sama dengan perubahan dan perkembangan teknologi maklumat yang pesat, pengguna dapat berinteraksi dengan maklumat yang terdapat di Internet. Sebagaimana komputer menjadi semakin berkuasa dan laju dalam operasinya, Internet juga turut mengalami peningkatan iaitu daripada paparan muka yang dahulunya cuma

<sup>1</sup> Budd, M. John. (2001). Information seeking in theory and practice: rethinking public services in libraries. *Reference & User Services Quarterly*, 40(3): 256-263.